

## TRANSFORMASI PERKEMBANGAN KURIKULUM DINI ISLAMI RABI' THANAWI DI NEGERI SELANGOR DARI TAHUN 1960-AN SEHINGGA 1970-AN

Transformation Of Curricular Developments For Islami Rabi ' Thanawi In The State Of Selangor From The 1960s Until The 1970s

Zaihan Hairuzialani Mat Jusoh<sup>1</sup>  
Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid<sup>2</sup>  
Zaharah Hussin

### Abstrak

Pendidikan Islam di negeri Selangor secara formal telah berkembang semenjak 1960-an lagi, perkembangan tersebut telah mengalami transformasi dari beberapa aspek seperti tahap pendidikan dan infrastruktur, aliran, orientasi kandungan, pendekatan dan pentadbiran. Untuk membincangkan perkara tersebut satu objektif telah digariskan. (1) Untuk menghasilkan tema baru dalam aspek-aspek yang telah mempengaruhi transformasi sejarah perkembangan Pendidikan Islam di Selangor dari tahun 1960-an sehingga 1970-an. Sumber-sumber sekunder disamping sumber primer akan dirujuk sebagai sumber maklumat bagi penulisan artikel ini, ianya termasuklah borang-borang pengemaskinian maklumat sejarah sekolah agama Selangor era 1960-an, fail-fail guru dari tahun 1940-an, minit mesyuarat dan juga temubual. Kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa aspek pengaruh penglibatan guru agama sebagai tenaga pemikir dan pengaruh Sultan merupakan penemuan penting yang menjadi teras dalam transformasi Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* di negeri Selangor dari tahun 1960-an sehingga 1970-an.

Kata kunci: Sejarah Malaysia, sejarah pendidikan tradisional, Kurikulum Pendidikan Islam, Kurikulum *Rabi' Thanawi*

### Abstract

*Islamic education in the state of Selangor has been formally evolved since the 1960s, the development has undergone a transformation from several aspects such as the level of education and infrastructure, flow, content orientation, approach and administration. To discuss the matter an objective has been outlined. (1) To produce new themes in aspects that have influenced the historical transformation of the development of Islamic Education in Selangor from the 1960s until the 1970s. Secondary sources as well as primary sources will be referred to as sources of information for the writing of this article, including updates on historical information of the Selangor religious schools in the 1960s, teachers' files from the 1940s, minutes of meetings and interviews. The conclusion can be summarized that the influence of the involvement of religious teachers as the power and influence of the Sultan is an important discovery that has been the core of the transformation of the Rabi 'Thanawi Islamic Curriculum in the state of Selangor from the 1960s to the 1970s.*

**Keywords:** Malaysian history, Traditional Educational, Islamic Education Curriculum

<sup>1</sup> Calon Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel: zaihan0821@gmail.com

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel: faisal@um.edu.my.

## Pendahuluan

Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* muncul secara rasmi dalam sistem Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ialah pada tahun 1960.<sup>3</sup> Kurikulum ini telah bertahan dalam sistem Pendidikan Islam negeri Selangor selama lima belas tahun sebelum JAIS telah menghentikannya pada tahun 1976 dan menggantikan dengan Kurikulum *Dini Islami Azhari* pada tahun 1977.<sup>4</sup> Untuk melihat perkembangan kurikulum dini dalam pendidikan Islam di Selangor saya membincangkannya dalam beberapa sub tema yang menjadi tumpuan utama perkembangan tersebut.

## Metodologi dan Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah penumpulan data daripada sumber-sumber sekunder disamping sumber primer. Berdasarkan sumber sekunder penyelidik membuat kajian perpustakaan. Penyelidik memulakan pengumpulan data melalui kajian-kajian di perpustakaan dengan merujuk buku-buku yang berkait dengan sejarah Pendidikan Islam sama ada dalam bahasa Arab, Melayu dan Bahasa Inggeris. Bagi buku-buku yang diterbitkan dalam terjemahan bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, penyelidik memilih buku-buku terjemahan yang telah disahkan oleh Dewan Bahasa Pustaka bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih berkualiti untuk intipati kajian ini. Manakala sumber primer bagi memperolehi maklumat berkaitan perkembangan Pendidikan Islam di Selangor khususnya penyelidik mengumpul minit-minit mesyuarat, laporan-laporan rasmi kerajaan Malaysia dari Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam negeri Selangor (JAIS).

Kemudian penyelidik mengadakan temubual dengan dua pegawai di Bahagian Pendidikan Islam di Jabatan Agama Islam negeri Selangor (BPI JAIS) dan seorang pesara guru yang pernah terlibat dalam sistem Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi*. Penyelidik merujuk dengan dua pegawai Pendidikan yang mengendalikan bahagian sejarah Pendidikan Islam Selangor dan juga pegawai Kurikulum JAIS khusus bagi mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam negeri Selangor. Kemudian penyelidik menganalisis data temubual yang diperolehi menerusi perisian atlas.t.i version 8 untuk mengkategorikan tema-tema penting bagi mendapatkan data yang lebih terperinci. Manakala pengorganisasian data kualitatif artikel ini penyelidik telah menggunakan Model Interaktif Miles & Huberman, (1994).<sup>5</sup> Dalam analisis data penyelidik menggunakan metod analisis data Crabtree dan Miller (1992).<sup>6</sup> Iaitu analisis suntingan dan analisis jenis kerangka (tamplate). Kedua-duanya menggunakan prinsip yang sama, tetapi berbeza dari segi pengekodan dan cara menginterpretasi datanya.

Kedua-dua sumber sekunder dan primer ini akan dirujuk sebagai sumber maklumat bagi penulisan artikel ini. Walaupun wujud pelbagai kekangan pada peringkat permulaan kajian namun kajian ini telah membuka ruang yang cukup luas untuk penemuan-penemuan baru dalam sejarah perkembangan Pendidikan Islam di negeri Selangor. Sudah tiba masanya segala data dan laporan dokumen daripada

<sup>3</sup> "Administrator", dikemaskini pada 17 Januari 2018, laman sesawang Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, dicapai pada 23 Oktober 2018, <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/124>

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> Miles dan Huberman, *Qualitative data analysis*, ed. Ke2 (London Sage, 1994).

<sup>6</sup> *Ibid.*

individu dan organisasi yang berautoriti menjadi sejarah yang perlu didokumenkan dengan lebih sistematik.

### Transformasi Perkembangan Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi*

Rabi' dari perkataan *arba'ah bermaksud* ke-empat, *thanawi* bermaksud peringkat menengah.<sup>7</sup> Dalam sistem kurikulum ini, pelajar-pelajar akan mengikuti peperiksaan *Rabi' thanawi* sejurus selepas menghabiskan pengajian Arab.<sup>8</sup> *Dini Islami* ialah perkataan dalam bahasa Arab yang bermaksud Agama Islam. Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* bermaksud Kurikulum Agama Islam kelas empat peringkat menengah.

Walau bagaimanapun, dari segi latarbelakang kewujudannya, penyelidik berpendapat transformasi kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* ini telah bermula lebih awal lagi dari tahun 1960 iaitu sekitar tahun 1940-an.<sup>9</sup> Hal ini berkait dengan seorang tokoh ulama Selangor iaitu Tengku Mahmud Zuhdi, pengetua Madrasah Hisyamuddin yang mana pada tahun 1940 sudah tercatat dalam sejarah bahawa beliau telah melantik Kiyai-kiyai pondok untuk mengajar di Madrasah.<sup>10</sup> Contohnya Kiyai Khalil Ibn Abu Ammar, pengasas pondok Kampung Batu 6 Bukit Naga, Klang *Ribat al-Fuad*<sup>11</sup> pernah berkhidmat juga sebagai guru dan penggubal sukan pelajaran<sup>12</sup> di Madrasah Hisyamuddin. Situasi ini membuktikan bahawa semenjak era 1940-an lagi sudah terdapat guru yang mengajar di pondok namun guru yang sama juga mengajar di madrasah. Malah tugas guru-guru ini bukan sahaja mengajar tetapi guru-guru ini juga merupakan penggubal sukan pelajaran bagi sekolah madrasah.<sup>13</sup> Ini bermakna kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* ialah jelmaan daripada kurikulum sistem pondok. Namun demikian dari aspek isi kandungan matapelajaran kurikulum pondok dalam kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* terdapat kelainan apabila ia beradaptasi dengan sistem Madrasah yang bercorak sekolah. Bahkan jika diperhalusi, perubahan-perubahan tersebut juga bukan setakat perubahan dari sudut isi kandungan, malah berlaku perubahan dari sudut tahap pendidikan dan infrastruktur, aliran, orientasi kandungan, pendekatan dan sistem pentadbiran.

### Tahap Pendidikan dan Infrastruktur

Tahap pendidikan sistem Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* ialah bermula dari *ibtida'i* selepas darjah enam.<sup>14</sup> Selepas itu proses pembelajaran akan bersambung sehingga pelajar-pelajar menduduki tingkatan tiga.<sup>15</sup> Semasa di tingkatan empat (kelas empat) mereka akan tamatkan pengajian dengan mengambil peperiksaan *Rabi' Thanawi*.<sup>16</sup> Kemudian mereka akan menyambung lagi sehingga ke peringkat tinggi

<sup>7</sup> Informan 1 (Penyelia Kualiti & Penyelidikan, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor), dalam temubual dengan penyelidik, 18 Januari, 2019.

<sup>8</sup> Informan 3 (Pesara guru dan mantan pegawai di BPI, JAIS yang kini bertugas sebagai Pengurus Kursus Tabung Haji Malaysia), dalam temubual dengan penyelidik pada 18 Mac 2019

<sup>9</sup> Aishah Abdul Rahim, "Tokoh Ulama Termasyhur Dalam Perkembangan Islam Di Selangor Sebelum Merdeka (1900-1957) : Satu Tinjauan Biografi," Jurnal Al-Muqaddimah Bil 2.2 ( 2014), 90-101

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> *Ibid.*, 97

<sup>12</sup> Informan 3 (Pesara guru dan mantan pegawai di BPI, JAIS yang kini bertugas sebagai Pengurus Kursus Tabung Haji Malaysia), dalam temubual dengan penyelidik pada 18 Mac 2019.

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> *Ibid.*

<sup>16</sup> *Ibid.*

## *Transformasi Perkembangan Kurikulum Dini Islami Rabi' Thanawi Di Negeri Selangor Dari Tahun 1960-An Sehingga 1970-An*

iaitu peringkat *Thanawi* sehingga berumur dua puluh tahun.<sup>17</sup> Selepas menghabiskan proses pembelajaran selama lapan tahun ini pelajar-pelajar akan menyambung pelajaran sama ada dalam negara atau luar negara seperti Mesir, India, Arab Saudi atau negara-negara Timur tengah yang lain.<sup>18</sup> Pelajar-pelajar yang menyambung di dalam negara, kebanyakannya mereka telah menyambung pengajian ke tahap seterusnya di Kolej Islam Klang atau di Yayasan Pengajian Tinggi Nilam Puri Kelantan.<sup>19</sup> Yayasan Pengajian Tinggi Nilam Puri merupakan salah satu kolej yang sangat popular bagi lepasan pelajar Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* kerana sijilnya telah mendapat pengiktirafan daripada Universiti al-Azhar, Mesir.<sup>20</sup> Sementara itu, terdapat juga pelajar-pelajar yang telah tamat Kurikulum *Dini Islami Rabi Thanawi* mengambil peluang mengikuti kursus bidang perguruan untuk menjadi guru. Kebanyakannya mereka menjalani latihan tersebut di Maktab Perguruan Tanjung Malim, Perak.<sup>21</sup>

Pada tahun 1962, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni al-Marhum Sultan Hisyamuddin Alam Shah al-Haj Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ihsan dan ke bawah Duli Yang Mulia Tengku Ampuan telah memberi galakan kepada Lembaga Kebajikan Masyarakat Persekutuan Tanah Melayu untuk membangunkan asrama Maahad Salahudin dengan kos RM82,175.<sup>22</sup> Aspek pembangunan infrastruktur ini telah menyaksikan beberapa perubahan dari aspek tahap pendidikan dalam sistem peperiksaan Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* kerana bilangan pelajar telah bertambah.<sup>23</sup> Mulai tahun 1973, tahap pendidikan Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* mula mewujudkan Peperiksaan Sijil Rendah Agama (SRA) bagi pelajar tingkatan empat dan peperiksaan Sijil Pelajaran Agama (SPA) untuk tingkatan enam pada tahun 1976.<sup>24</sup> Walaubagaimanapun pada tahun 1974, sistem Pendidikan Islam di Selangor telah mengalami satu keadaan yang mana hampir semua Sekolah Agama Menengah (SAM) telah kekurangan pelajar.<sup>25</sup> Krisis ini terjadi kerana kebanyakannya pelajar telah keluar untuk mengambil peperiksaan awam iaitu L.C.E dan M.C.E di sekolah aliran kebangsaan atas faktor desakan pekerjaan.<sup>26</sup>

Oleh yang demikian, pada tahun 1977, Kurikulum *Dini Islami Azhari* telah menggantikan Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi*. Sistem peperiksaan tahap menengah rendah *Lower Certificate Examination* (LCE) di tingkatan tiga dan tahap peperiksaan menengah tinggi *Malaysia Certificate Examination* (MCE) (SRP semakan 1972<sup>27</sup> dan SPM semakan 1978)<sup>28</sup> telah menjadi peperiksaan rasmi di SAM JAIS di samping peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) di tingkatan empat.<sup>29</sup>

---

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> *Ibid.*

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Borang Mengemaskinikan Maklumat Sekolah, Sekolah Agama Bantuan Penoh Kerajaan, Negeri Selangor Darul Ehsan, Sekolah Agama Menengah Tinggi Selangor (SAMTS Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batu 38), Sabak Bernam, 14 November 1991.

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> Borang Mengemaskinikan Maklumat Sekolah, Sekolah Agama Bantuan Penoh Kerajaan, Negeri Selangor Darul Ehsan, Sekolah Agama Menengah Tinggi Selangor (SAMTS Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batu 38), Sabak Bernam, 14 November 1991.

<sup>25</sup> Informan 3 (Pesara guru dan mantan pegawai di BPI, JAIS yang kini bertugas sebagai Pengurus Kursus Tabung Haji Malaysia), dalam temubual dengan penyelidik pada 18 Mac 2019

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> Borang Mengemaskinikan Maklumat Sekolah, Sekolah Agama Bantuan Penoh Kerajaan, Negeri Selangor Darul Ehsan, Sekolah Agama Menengah Tinggi Selangor (SAMTS Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batu 38), Sabak Bernam, 14 November 1991.

Ini bermakna ciri-ciri tahap pendidikan Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* ini telah mengalami transformasi di Selangor berdasarkan fenomena kemasukan guru pondok ke dalam sistem Pendidikan Madrasah dan desakan pekerjaan masyarakat. Fenomena ini juga membuktikan bahawa tahap pendidikan dalam kurikulum akan lebih menepati dengan sasaran (mad'u) jika sistem Pendidikan Islamnya sentiasa peka dengan keperluan sosial masyarakat sekeliling. Disamping itu, aspek pembangunan infrastruktur juga telah menjadi faktor pemangkin dalam mempengaruhi perkembangan kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* di negeri Selangor pada era 1960-an. Maka dua aspek iaitu tahap pendidikan dan infrastruktur merupakan aspek-aspek penting dalam melakar sejarah perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam di negeri Selangor pada era 1960-an.

## Aliran

Aliran *Rabi' Thanawi* ialah aliran Pengajian Islam dan bahasa.<sup>30</sup> Tahap pendidikannya bermula dari *ibtida'i* selepas darjah enam.<sup>31</sup> Bermula dari *ibtida'i*, pelajar-pelajar ini merupakan pelajar-pelajar dua aliran sahaja. Aliran Pengajian Islam dan Aliran Bahasa. Aliran akademik pada ketika ini tidak wujud dalam aliran sistem Pendidikan Islam SAM JAIS. Pada ketika itu, JAIS menamakan juga SAM JAIS dengan *Maahad Dini Islami*. Pelajar-pelajar yang berminat dengan aliran akademik akan mengambil secara persendirian.<sup>32</sup> Justeru itu, mereka juga telah menduduki peperiksaan LCE dan MCE secara persendirian.<sup>33</sup> Pelajar-pelajar yang telah mendaftar untuk mengambil matapelajaran-matapelajaran ini biasanya akan mempelajarinya pada waktu petang atau malam dalam kelas tambahan kerana waktu pembelajaran pagi sepenuhnya bertumpu kepada matapelajaran *Dini Islami* dalam bahasa Arab.<sup>34</sup> Malah bahasa pengantar dan sijil *Dini Islami* juga dalam bahasa Arab.<sup>35</sup>

Dalam Aliran Pengajian Islam dan Aliran bahasa ini, pelajar-pelajar akan melengkapkan *ibtida'i* dengan menyambung proses pembelajaran sehingga mereka menduduki tingkatan tiga.<sup>36</sup> Semasa di tingkatan empat (kelas empat) mereka akan tamatkan pengajian dengan mengambil peperiksaan *Rabi' Thanawi*<sup>37</sup> atau SMA. Selepas itu mereka juga boleh menebarkan lagi penguasaan ilmu dengan menyambung pengajian sehingga ke peringkat tinggi iaitu peringkat *Thanawi* sehingga berumur dua puluh tahun.<sup>38</sup> Setelah penat jerih menamatkan *thanawi* peringkat tinggi ini, maka dengan rasminya juga

<sup>28</sup> Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (7hb. November 1979), (Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980), 35.

<sup>29</sup> Informan 3 (Pesara guru dan mantan pegawai di BPI, JAIS yang kini bertugas sebagai Pengurus Kursus Tabung Haji Malaysia), dalam temubual dengan penyelidik pada 18 Mac 2019

<sup>30</sup> Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (7hb. November 1979), (Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980), 35.

<sup>31</sup> *Ibid.*

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> Informan 3 (Pesara guru dan mantan pegawai di BPI, JAIS yang kini bertugas sebagai Pengurus Kursus Tabung Haji Malaysia), dalam temubual dengan penyelidik pada 18 Mac 2019.

<sup>34</sup> *Ibid.*

<sup>35</sup> Informan 1 (Penyelia Kualiti & Penyelidikan, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor), dalam temubual dengan penyelidik, 18 Januari, 2019. Plak sijil *Rabi' Thanawi* terdapat dalam mini galeri tingkat 1 dan 3, ruang menunggu kaunter BPI, JAIS. Plak tulisannya yang melekat terukir dalam bahasa Arab, menggunakan elemen besi yang berkualiti, memperlihatkan ciri-ciri era transformasi dalam sistem kurikulum *Rabi' Thanawi* pada era 1960-an ini.

<sup>36</sup> *Ibid.*

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> *Ibid.*

pelajar-pelajar ini telah menamatkan pengajian dalam Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi*. Namun seandainya timbul keinginan dan cita-cita mereka ingin meneruskan pengajian, mereka boleh menggunakan sijil *Rabi' Thanawi* sebagai tiket untuk ke luar negara seperti Saudi Arabia dan Mesir. Di dalam negara kebiasaannya mereka akan menyambung pengajian di Yayasan Pengajian Tinggi Nilam Puri atau menjadi guru di mana-mana sekolah di bawah pentadbiran JAIS.

### **Orientasi Kandungan**

Sukatan pelajaran kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* berorientasikan kandungan pembelajaran *thurath* dan sukatan matapelajaran agama dari negeri Kelantan.<sup>39</sup> Tempias sukatan matapelajaran agama dari negeri Kelantan telah menyebabkan bahagian kandungan pembelajaran kurikulum ini terbahagi kepada dua iaitu bahasa dan pengajian Islam.<sup>40</sup> Alirannya tidak bersifat selektif dan semua pelajar wajib mengambil kedua-dua aliran tersebut.<sup>41</sup> Matapelajaran-matapelajaran aliran bahasa ialah bahasa Arab, nahu dan soraf. Manakala matapelajaran aliran Pengajian Islam peringkat *ibtida'i* (rendah) ialah *Mutalaah, Mahfuzah, Hadis (Matan Arbain), Akhlak (Tasawwuf)*. Manakala peringkat menengah *thanawi* (tinggi) pula ialah matapelajaran *faraid, fiqh, i'dad tolabin, fadl mui'n, akhlak, tarikh tashri', tafsir jalalain dan akhlak muroqil ubudiyyah*. Semua matapelajaran dalam kurikulum ini mengadaptasi sumber-sumber dari kitab pondok<sup>42</sup> Guru-guru di *Maahad* biasanya mengajar kurikulum ini dengan menggunakan kitab-kitab pondok daripada Rawa, Pulau Pinang.<sup>43</sup> Malah perjuangan bagi memperolehi kitab-kitab pembelajaran juga telah membawa langkah guru-guru agama era 1960-an ini merentas Kampung Baru di Kuala Lumpur.<sup>44</sup> Jika mereka masih belum menjumpai kitab-kitab tersebut, pencarian mereka akan berterusan sehingga ke pasar-pasar atau Kampung Jawa di Daerah Klang.<sup>45</sup>

Setelah pencarian guru-guru ini berakhir dengan kejayaan mereka mendapatkan beberapa buah kitab, maka mereka akan memulakan usaha memerah pemikiran bagi menggubal sukatan pelajaran. Segala pemikiran dan usaha mereka memfokuskan pula terhadap pembahagian isi kandungan kitab-kitab yang terbahagi kepada empat bahagian iaitu *thanawi* satu, *thanawi* dua, *thanawi* tiga dan *thanawi* empat.<sup>46</sup> *Thanawi* satu, dua dan tiga untuk peringkat rendah yang mengandungi bab aqidah dan ibadah manakala *thanawi* empat untuk pembelajaran peringkat tinggi mengandungi bab munakahat dan jenayah.<sup>47</sup> Ini bermakna belum terdapat ciri-ciri orientasi kandungan dalam Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* ini. Keseluruhan isi kandungan pembelajaran adalah matapelajaran agama dan aliran matapelajaran akademik masih terpisah sama ada dari sudut kandungan maupun bentuk dalam *kurikulum Dini Islami Rabi' Thanawi*. Maka penyelidik menyimpulkan bahawa transformasi dalam Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* ini tidak berlaku dalam aspek orientasi kandungan pembelajaran. Walaubagaimanapun catatan

---

<sup>39</sup> Borang rasmi sejarah sekolah-sekolah di negeri Selangor, sejarah Sekolah Agama Menengah Tunku Ampuan Jama'a'h (SAMTAJ)

<sup>40</sup> Informan 3 (Pesara guru dan mantan pegawai di BPI, JAIS yang kini bertugas sebagai Pengurus Kursus Tabung Haji Malaysia), dalam temubual dengan penyelidik pada 18 Mac 2019

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> *Ibid.*

<sup>45</sup> *Ibid.*

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> *Ibid.*

ini menunjukkan dengan jelas bahawa transformasi kandungan Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* adalah berkait pula dengan faktor sikap altuarisme guru-guru agama era 1960-an.

## Pendekatan

Guru-guru yang mengajar Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* menggunakan pendekatan memfokuskan guru dan kitab.<sup>48</sup> Iaitu guru membaca, membariskan dan menterjemah kitab.<sup>49</sup> Latihan berbahasa Arab juga jarang berlaku kerana guru-guru lebih memfokuskan untuk membaca, membaris dan menterjemah kitab untuk pelajar-pelajar.<sup>50</sup> Penyelarasian kurikulum juga belum mantap kerana JAIS pada masa ini lebih memfokuskan kepada pembangunan infrastruktur dan bangunan sekolah.<sup>51</sup> Ini bermakna guru-guru merupakan tenaga pengajar namun dalam masa yang sama guru-guru juga kumpulan penting yang melatari perkembangan sukan pelajaran kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi*. Oleh yang demikian, proses pendekatan pembelajaran kurikulum ini secara tidak langsung telah mengeluarkan guru-guru yang efisien dari segi tahap penguasaan kandungan pengajaran.

Dalam perbincangan ini penyelidik akan merungkaikan bagaimana peranan guru-guru agama era 1960-an ini mengadaptasi proses pembelajaran menerusi pendekatan sistem pondok ke dalam sistem aliran madrasah bercorak sekolah. Seawal waktu pembelajaran mereka biasanya akan bermula dengan membawa sehelai demi sehelai mukasurat dari kitab-kitab kuning apabila ke kelas.<sup>52</sup> Ketika ini belum ada satu organisasi khusus yang menyelaraskan sukan pelajaran secara formal.<sup>53</sup> Bahkan belum terdapat satu dokumen pun dalam Kurikulum Pendidikan Islam JAIS pada ketika ini yang boleh menjadi panduan untuk pendekatan pembelajaran formal. Justeru itu guru-guru dalam sistem Kurikulum Dini Islami *Rabi' Thanawi* ini akan mengambil pendekatan sendiri dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar-pelajar di dalam kelas.<sup>54</sup> Dari satu sudut usaha pendekatan ini kelihatan biasa. Walaubagaimanapun tahukah kita bahawa usaha guru-guru agama yang biasa inilah yang telah melahirkan guru-guru yang mantap dari sudut penguasaan kandungan pelajaran agama pada era 1960-an. Bahkan terdapat guru-guru yang boleh membaca frasa-frasa dalam kandungan kitab tanpa baris.<sup>55</sup>

Maka tidak hairanlah guru-guru yang mengajar terkenal dalam lipatan sejarah Pendidikan Islam Selangor dan Tanah Melayu. Umpamanya Tuan Guru Haji Nordin Bin Haji Syukur (1920-1987) guru yang pernah mengajar di Sekolah Agama, Kajang dan Maahad Hamidiah, Kajang dari tahun 1952-1975.<sup>56</sup> Manakala guru-guru tempatan yang mengajar di sekolah agama JAIS ketika ini pula ialah terdiri daripada guru lepasan madrasah al-junid singapura, Pulau Pinang, kedah, Johor, sekolah Idrisiah *yahyawiyyah* Padang Rengas, Perak.<sup>57</sup> Malah persada negeri Selangor juga pernah mengetengahkan guru-guru yang

<sup>48</sup> Ibid.

<sup>49</sup> Ibid.

<sup>50</sup> Ibid.

<sup>51</sup> Ibid.

<sup>52</sup> Ibid.

<sup>53</sup> Ibid.

<sup>54</sup> Ibid.

<sup>55</sup> Ibid.

<sup>56</sup> Unit Penyelidikan al-Jenderami, ed., Ayu Norazilah Mohamad, *Tokoh-Tokoh Ulama Selangor* (Selangor: Jabatan Peradaban & pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2011 ), 311.

<sup>57</sup> Informan 3 (Pesara guru dan mantan pegawai di BPI, JAIS yang kini bertugas sebagai Pengurus Kursus Tabung Haji Malaysia), dalam temubual dengan penyelidik pada 18 Mac 2019

terdiri daripada lepasan Pondok Kancong Darat, Pondok Sijangkang dan Pondok Sabak Bernam.<sup>58</sup> Walaupun demikian guru-guru dari lepasan pondok tempatan kelihatan tidak ramai bilangannya kerana tidak banyak pondok yang wujud di negeri Selangor dalam era sebelumnya berbanding negeri-negeri di Tanah Melayu yang lain.<sup>59</sup> Namun begitu daripada kenyataan ini penyelidik dapat menyimpulkan bahawa orientasi kandungan dalam matapelajaran-matapelajaran Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* belum wujud. Walaupun begitu sikap altuarisme guru-guru agama pada era 1960-an ini secara tidak langsung telah meletakkan mereka menjadi tenaga pemikir yang cukup penting dalam transformasi sejarah perkembangan Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* era tahun 1960-an sehingga 1970-an.

### **Pentadbiran**

Beralih pula kepada aspek pentadbiran. Sistem Pendidikan Islam SAM di Selangor pada era 1960-an sehingga 1970-an ini masih menggunakan perkhidmatan pengetua dan guru-guru yang berkelulusan dari luar negara seperti Mekah, Mesir, Jordan dan Libya.<sup>60</sup> Contohnya Tuan Guru Haji Nordin Bin Haji Syukur (1920-1987) guru yang pernah mengajar di Sekolah Agama, Kajang dan Maahad Hamidiah, Kajang dari tahun 1952-1975.<sup>61</sup> Semenjak tahun 1948, setelah JAIS menyelaraskan semua sekolah agama rakyat (SAR) di negeri Selangor di bawah Sekolah Agama Negeri (SAN), pentadbiran kurikulum juga termasuk dalam bidang kuasa JAIS. Berdasarkan peruntukan kuasa daripada dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor),<sup>62</sup> Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) merupakan badan penasihat Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam semua perkara yang berkaitan dengan agama Islam.<sup>63</sup> MAIS yang telah bernaung secara rasmi di bawah pihak istana sejak tahun 1953<sup>64</sup> memiliki kuasa untuk menjalankan aktiviti, memberi bantuan kewangan, bekerjasama dengan badan-badan kerajaan Persekutuan dan menyelenggara sekolah-sekolah agama di negeri Selangor.<sup>65</sup> Untuk tujuan-tujuan tersebut, maka MAIS telah memasukkan ketua Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menjadi salah seorang anggota majlis.<sup>66</sup> Hal ini bagi memastikan bahawa Sultan sentiasa boleh memantau dan mengambil bahagian dalam meningkatkan sistem Pendidikan Islam negeri.

Apa yang hendak penyelidik sampaikan disini ialah berkaitan pengaruh Sultan dalam pentadbiran Kurikulum Pendidikan Islam di negeri Selangor. Contohnya pada 17 Januari 1962 bersamaan 11 Syaaban 1381, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni al-Marhum Sultan Hisyamuddin Alam Shah al-Haj Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ikhsan dan ke bawah Duli Yang Mulia Tengku Ampuan telah memberi galakan kepada Lembaga Kebajikan Masyarakat Persekutuan Tanah Melayu untuk

---

<sup>58</sup> *Ibid.*

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> Informan 3 (Pesara guru dan mantan pegawai di BPI, JAIS yang kini bertugas sebagai Pengurus Kursus Tabung Hajji Malaysia), dalam temubual dengan penyelidik pada 18 Mac 2019

<sup>61</sup> Unit Penyelidikan al-Jenderami, ed., Ayu Norazilah Mohamad, *Tokoh-Tokoh Ulama Selangor* (Selangor: Jabatan Peradaban & pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2011), 311.

<sup>62</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Hingga 1hb Disember 2016), 13.

<sup>63</sup> *Ibid.*,

<sup>64</sup> Jabatan Agama Islam Selangor, Profil Jabatan (t.t.p.), 1.

<sup>65</sup> *Ibid.*, 14-15

<sup>66</sup> *Ibid.*, 17.

membangunkan asrama *Maahad* Salahudin dengan kos RM82,175.<sup>67</sup> Walaupun kos perbelanjaan bangunan asrama bagi menempatkan pelajar-pelajar *Maahad* Salahuddin ini merupakan insentif daripada tanah wakaf dan wang pendapatan *khairat* (wang ehsan kematian) penduduk kampung serta individu.<sup>68</sup> Namun dengan galakan dan dorongan Sultan telah membawa hasil yang luarbiasa dalam pentadbiran Kurikulum Pendidikan Islam di negeri Selangor. Penyelidik berpandangan tanpa perhatian dan dorongan daripada Sultan kemungkinan jumlah kutipan derma tersebut tidak akan menjadi kenyataan. Jelaslah pengaruh Sultan memainkan peranan penting dalam memajukan pentadbiran kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* di negeri Selangor.

Sultan kelihatan begitu berpengaruh dalam mencorakkan pentas pentadbiran Kurikulum Pendidikan Islam di negeri Selangor. Pada tahun 1959, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah melakarkan satu lagi usaha dalam mengembangkan 16 matapelajaran Agama Islam di Maahad Salahuddin Abdul Aziz Shah<sup>69</sup> sehingga sekolah tersebut menjadi salah sebuah sekolah yang terkenal di negeri Selangor. Setelah Maahad Salahuddin meningkat maju, maka pada tahun 1975, baginda menjenamakan semula nama sekolah agama tersebut menjadi Sekolah Agama Menengah Tinggi (SAMT) Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sehingga sekarang.<sup>70</sup> Jelaslah disini aspek pentadbiran kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* telah berkembang di bawah pengaruh Sultan walaupun JAIS mendapat mandat untuk mengurus pentadbiran tersebut. Begitulah proses yang telah memperlihatkan pengaruh Sultan memainkan peranan penting dalam transformasi Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* di negeri Selangor pada era 1960-an sehingga 1970-an.

## Kesimpulan

Jika ditinjau dari sudut sejarah, berdasarkan data-data yang telah diperolehi maka penyelidik dapat merumuskan bahawa transformasi perkembangan kurikulum *dini islami rabi' thanawi* di negeri selangor dari tahun 1960-an sehingga 1970-an di negeri Selangor telah berkembang dengan caranya tersendiri.

Penemuan yang paling ketara disini ialah penglibatan guru sebagai tenaga pemikir dan pengaruh Sultan dalam aspek pentadbiran merupakan dua penemuan penting yang menjadi punca tercetusnya era transformasi kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* pada era 1960-an sehingga 1970an. Walaupun sistem kurikulum ini pernah jatuh semasa krisis kekurangan pelajar akibat desakan pekerjaan dalam struktur sosial masyarakat yang melanda negeri Selangor pada tahun 1960-an, namun keupayaan dan kredibiliti aspek tenaga pengajar telah berjaya memulihkan semula keyakinan masyarakat terhadap sistem Pendidikan Islam. Ia bermula dengan usaha JAIS menyerapkan tenaga pengajar dari sekolah-sekolah pondok ke dalam sistem madrasah yang bercorak sekolah. Langkah ini tidak semena telah menyaksikan aspek penglibatan guru merupakan pengaruh penting dalam mencetuskan transformasi Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* pada era 1960-an sehingga 1970-an. Kemudian transformasi dalam Pendidikan Islam terus menginjak selangkah lagi dengan hadirnya pengaruh Sultan dalam pentadbiran Kurikulum

<sup>67</sup> Borang Mengemaskinikan Maklumat Sekolah, Sekolah Agama Bantuan Penoh Kerajaan, Negeri Selangor Darul Ehsan, Sekolah Agama Menengah Tinggi Selangor (SAMTS Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batu 38), Sabak Bernam, 14 November 1991.

<sup>68</sup> *Ibid.*

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> *Ibid.*

## *Transformasi Perkembangan Kurikulum Dini Islami Rabi' Thanawi Di Negeri Selangor Dari Tahun 1960-An Sehingga 1970-An*

Pendidikan Islam. Secara konklusinya penyelidik merumuskan bahawa aspek penglibatan guru agama sebagai tenaga pemikir dalam penyediaan Kurikulum dan pengaruh Sultan menerusi peruntukan kuasa undang-undang negeri Selangor merupakan dua tonggak penting dalam mencetuskan transformasi Kurikulum *Dini Islami Rabi' Thanawi* pada era 1960-an sehingga 1970-an. Semoga kedua-dua aspek ini juga merupakan penemuan yang sangat penting bagi kita generasi hari ini terutama barisan pemegang taruh Kurikulum negara dalam mempersiapkan kurikulum abad ke-21.

### **Rujukan**

- Administrator”, dikemaskini pada 17 Januari 2018, laman sesawang Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, dicapai pada 23 Oktober 2018,  
<https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/124>
- Aishah Abdul Rahim, “Tokoh Ulama Termasyhur Dalam Perkembangan Islam Di Selangor Sebelum Merdeka (1900-1957): Satu Tinjauan Biografi,” Jurnal Al-Muqaddimah Bil 2.2 (2014), 90-101
- Borang Mengemaskinikan Maklumat Sekolah, Sekolah Agama Bantuan Penoh Kerajaan, Negeri Selangor Darul Ehsan, Sekolah Agama Menengah Tinggi Selangor (SAMTS Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batu 38), Sabak Bernam, 14 November 1991.
- Borang rasmi sejarah sekolah-sekolah di negeri Selangor, sejarah Sekolah Agama Menengah Tunku Ampuan Jamaa'h (SAMTAJ)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Hingga 1hb Disember 2016), 13.
- Jabatan Agama Islam Selangor, Profil Jabatan (t.tp.), 1.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (7hb. November 1979), (Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980), 35.
- Miles dan Huberman, *Qualitative data analysis*, ed. Ke2 (London Sage, 1994).
- Unit Penyelidikan al-Jenderami, ed., Ayu Norazilah Mohamad, *Tokoh-Tokoh Ulama Selangor* (Selangor: Jabatan Peradaban & pemikiran Islam, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2011), 311.